

51/30/`200

AS takut bayang sendiri (HL)

Lichong Angkui; Amirullah Andi Nur

KOTA KINABALU: Amerika Syarikat (AS) takutkan bayang sendiri akibat kezaliman mereka, apabila menasihati rakyatnya tidak berkunjung ke Malaysia, khususnya ke Sabah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, AS menzalimi ramai orang yang tidak berdosa dan akibat tindakan itu, mereka kini diburu kebimbangan akan menerima balasan atas kezaliman sendiri.

"Mereka kini takut orang akan membunuh mereka. Mereka takut ke mana-mana walaupun sebenarnya Sabah dan Malaysia cukup selamat. Jika mereka tak nak datang (ke negara ini), kita tak dapat halang.

"Jika mereka fikir tinggal di negara mereka sendiri lebih selamat, saya ingin mengingatkan mereka bahawa serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) berlaku di tempat mereka. Sebenarnya AS lebih bahaya daripada Malaysia," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, petang semalam.

Rabu lalu, Washington mengeluarkan amaran kepada rakyatnya supaya berhati-hati terhadap kemungkinan serangan pengganas di beberapa negara termasuk Malaysia, khususnya di Sabah yang lebih terdedah kepada ancaman keganasan kumpulan Abu Sayyaf dari selatan Filipina yang didakwa mempunyai kaitan dengan al-Qaeda.

Menjawab soalan, Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan AS mempunyai motif apabila mengeluarkan amaran itu kerana Washington sering melemparkan tuduhan konon Malaysia tidak menjamin keselamatan rakyat asing di negara ini.

Katanya, mereka mungkin mencari alasan melakukan sesuatu terhadap Malaysia, konon untuk perubahan rejim kepemimpinan.

"Tindakan ketenteraan AS ke atas Iraq sebelum ini yang kononnya disebabkan negara itu menyimpan senjata pemusnah, gagal dibuktikan.

"Oleh itu, Amerika kini takut dengan bayang-bayang kemungkinan dikenakan tindakan balas dan kerana itu, memberi amaran kepada rakyatnya jangan ke luar negara," katanya.

Perdana Menteri, yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di sini kelmarin untuk lawatan kerja dua hari. Pagi semalam, beliau merasmikan kongres kelapan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) di Keningau sebelum melakukan pecah tanah projek bangunan Umno Sabah di sini pada sebelah petang.

Di KENINGAU, ketika berucap merasmikan kongres PBRS, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, keadaan di Malaysia khususnya Sabah adalah aman dan tenteram.

"Apabila saya sampai ke sini, keadaan aman dan tenteram. Tidak ada rusuhan. Tetapi hari ini kita baca dalam akhbar bahawa di Malaysia,

terutama di Sabah terdapat pegganas yang bertujuan meletupkan bom supaya membunuh orang mereka (AS).

"Kita semua boleh berkumpul seperti ini di kongres PBRS tanpa rasa takut. Tetapi dalam CNN, Amerika berkata Sabah adalah tempat pegganas. Justeru itu, ia menasihatkan rakyat supaya jangan datang ke sini," katanya.

Dr Mahathir mengumpamakan ketakutan AS itu seperti Saddam Hussein yang tidak berani keluar istana dan sentiasa dilindungi pengawal peribadi kerana telah menzalimi rakyat Iraq.

Katanya, AS juga menzalimi ramai yang tidak berdosa di dunia ini dan akibat tindakan itu, mereka kini diburu kebimbangan akan menerima balasan atas kezaliman itu.

"Kita di Malaysia tidak suka melakukan kezaliman kepada rakyat. Kita membangunkan negara ini dan rakyat bebas bergerak. Inilah cara kerajaan BN yang dipilih rakyat dan berkerja untuk rakyat," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini juga tidak membenci rakyat AS tetapi kerana mereka melakukan kesalahan dengan menceroboh negara lain, menindas dan menyokong Israel, mereka melemparkan tuduhan kononnya rakyat negara tertentu termasuk Malaysia berniat membunuh mereka.

Sehubungan itu, Dr Mahathir memberi jaminan rakyat Amerika di negara ini selamat. Malaysia mempunyai pasukan keselamatan yang mencukupi untuk menjaga keamanan.

"Pemimpin negara ini tidak takut kepada rakyat dan boleh ke mana saja dengan selamat. Saya sendiri pergi ke pusat membeli-belah dan berjumpa orang ramai tanpa rasa takut kerana kita tidak menindas rakyat. Inilah BN, kita jadi pemimpin untuk berkhidmat kepada rakyat," katanya.